

PEMBANGUNAN APLIKASI TELEFON PINTAR ISLAMIC TOURISM (i-TOURISM) MELALUI PLATFORM ANDROID DAN IOS: KAJIAN AWAL

Mohammad Najib Jaffarⁱ Azman Ab Rahmanⁱⁱ Mohd Nizwan Muslingⁱⁱⁱ Nurkhamimi Zainuddin^{iv} Mohammad Imran Ahmad^v Muhammad Sabri Sahrir^{vi}

ⁱ (Corresponding author). Profesor Madya, Universiti Sains Islam Malaysia. najib@usim.edu.my

ⁱⁱ Profesor, Universiti Sains Islam Malaysia. azman@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia. mohdnizwan@usim.edu.my

^{iv} Profesor Madya, Universiti Sains Islam Malaysia. khamimi@usim.edu.my

^v Pensyarah Kanan, Universiti Islam Selangor. imrahahmad@kuis.edu.my

^{vi} Profesor, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. sabrisahrir@iiium.edu.my

Abstrak

Teknologi moden hari ini telah mencapai satu tahap yang luar biasa di mana pelbagai aktiviti harian manusia hari ini tidak akan terpisah dengan teknologi. Penggunaan telefon pintar adalah antara kesan penggunaan teknologi yang sangat pesat setiap tahun termasuklah dalam sektor pelancongan. Berdasarkan Singapore's Crescent Rating dan United State's Dinar Standard, Malaysia merupakan antara negara Islam pilihan utama pelancong Muslim terutamanya dari Timur Tengah yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar. Kajian ini bertujuan untuk menjalankan kajian awal mengenai pembangunan aplikasi telefon pintar pelancongan Islam yang menggunakan medium bahasa Arab bagi memudahkan mereka untuk melancong di Malaysia dan mendapatkan akses pelancongan kesihatan dan perubatan, pelancongan perniagaan, pelancongan halal dan pelancongan pendidikan. Kajian ini menggunakan kaedah Design Development Research (DDR) sebagai metodologi untuk menganalisis aplikasi yang sedia ada dan menilai keberkesanan penggunaan aplikasi telefon pintar i-Tourism dalam kalangan pelancong Arab di Malaysia.

Kata kunci: Teknologi; aplikasi telefon pintar; pelancongan Islam; bahasa Arab, DDR

PENDAHULUAN

Penggunaan telefon pintar adalah antara kesan penggunaan teknologi yang sangat pesat setiap tahun. Telefon pintar merupakan komponen terpenting di zaman ini dan ianya melibatkan pelbagai sektor dalam kehidupan manusia termasuk sektor pelancongan. Saban tahun, sektor pelancongan Islam semakin menjadi tarikan di peringkat global. Malaysia merupakan antara negara Islam tarikan dan pilihan utama pelancong Muslim seperti yang dicatatkan Singapore's Crescent Rating dan United State's Dinar Standard. Jumlah pelancong muslim juga sangat besar saban tahun.

Untuk menjadikan pelancongan Islam Malaysia jauh lebih efektif dan efisien, negara perlu membangunkan aplikasi telefon pintar yang akan menjadi rujukan utama pelancong muslim dari serata dunia terutama dari negara-negara populasi penduduk Islamnya adalah majoriti seperti negara-negara timur tengah. Walaubagaimanapun, kajian mengenai pelancongan Islam terutamanya

pembangunan aplikasi telefon pintar masih belum banyak yang dihasilkan. Terdapat beberapa aplikasi yang bertaraf 5 bintang berdasarkan testimoni pengguna telefon pintar yang telah dimuat turun penyelidik mendapati bahawa aplikasi tersebut memfokuskan kepada bandaraya-bandaraya dunia di negara-negara barat seperti England dan negara-negara Eropah sahaja dan tidak memfokuskan kepada negara Malaysia. Selain itu, terdapat juga aplikasi yang kandungannya tidak lengkap seperti Aplikasi 'MyRating' yang tidak memenuhi komponen-komponen Pelancongan Islam yang digariskan oleh Organisation Islamic Cooperation (OIC) iaitu Hotel Halal, Pengangkutan Halal, Premis Makanan Halal, Pakej Pelancongan Halal dan Kewangan Halal. (Akyol and Kilinc, 2014).

Aplikasi telefon pintar yang mesra pelancong Muslim peringkat global wajar diwujudkan dan dibangunkan bagi memudahkan pelancong muslim untuk merancang perjalanan sebelum dan semasa melancong ke sesuatu tempat. Oleh itu, aplikasi pelancongan Islam khusus pelancongan di Malaysia dengan dimensi yang lebih luas melalui platform android dan IOS perlu diwujudkan dan dibangunkan pada pandangan penyelidik kerana ianya selari dengan hasrat kerajaan Malaysia untuk menjadikan Malaysia sebagai hub pelancongan Islam di peringkat global. Kajian Model Analisis Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam melalui Integrasi Naqli dan Aqli oleh Mohammad Najib Jaffar (2018) boleh menjadi asas kepada pembangunan kandungan aplikasi telefon pintar i-Tourism.

PERMASALAHAN KAJIAN

Sebahagian besar pelancong Muslim yang datang melancong ke Malaysia adalah dari timur tengah seperti Arab Saudi, Qatar, Emiriah Arab Bersatu, Yaman, Kuwait, Mesir, Jordan, Palestin, Oman dan lain-lain. Majoriti bahasa pengantar mereka adalah bahasa Arab.

Kajian yang dijalankan oleh Mohammad Imran (2019) menunjukkan bahawa terdapat masalah komunikasi di kalangan pelancong Arab di negara kita. Sebanyak 70% responden menghadapi masalah komunikasi di lapangan terbang, 80% di hotel atau penginapan, 80% di pusat membeli-belah, 80% berkaitan dengan pemandu pelancong dan 80% berkaitan dengan pemandu teksi. Di antara masalah yang biasa dihadapi oleh pelancong Arab adalah kekurangan kakitangan hotel yang boleh berkomunikasi dalam bahasa Arab, tiada saluran televisyen yang menggunakan bahasa Arab di hotel, pemandu pelancong mempunyai kemahiran yang rendah dalam bahasa Arab, pemandu teksi tidak boleh berbahasa Arab, polis pelancong tidak boleh berkomunikasi dalam bahasa Arab dan kurangnya papan tanda dalam bahasa Arab.

Oleh yang demikian, sebagai negara yang menjadi tumpuan utama pelancong-pelancong Arab adalah menjadi keperluan bagi pembangunan aplikasi telefon pintar pelancongan Islam yang menggunakan medium bahasa Arab bagi memudahkan mereka untuk melancong di Malaysia seterusnya menyumbang kepada kepesatan sektor pelancongan Islam negara.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Menjalankan kajian awal pembangunan aplikasi telefon pintar pelancongan Islam.
2. Membuat perbandingan aplikasi telefon pintar sedia ada dari sudut fungsi, antara muka dan kandungan.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah *Design Development Research* (DDR) telah dipilih sebagai metodologi kajian untuk kajian awal pembangunan aplikasi telefon pintar *i-Tourism*. Terdapat beberapa fasa yang akan dilalui sepanjang proses pembangunan aplikasi telefon pintar *i-Tourism* ini iaitu:

- a) **Fasa Analisis Keperluan:** Fasa ini merupakan fasa pertama bagi sesebuah kajian awal. Fasa ini amat penting kepada pengkaji untuk mengenal pasti adakah terdapat permasalahan terhadap subjek kajian.
- b) **Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan:** Fasa ini bergantung kepada metod pengukuran yang digunakan oleh pengkaji. Terdapat metod yang memerlukan pakar dalam membuat keputusan dan ada juga yang sebaliknya.
- c) **Fasa Penilaian:** Fasa ini merujuk kepada kebolegunaan produk yang dihasilkan. Richey (2005) menerangkan pengesahan model sebagai "*proses yang dirancang dengan teliti untuk mengumpul dan menganalisis data empirical bertujuan untuk membuktikan keberkesanan penggunaan model*".

DAPATAN KAJIAN

Perbandingan Aplikasi Mudah Alih Sedia Ada

1. *Islamic Tourism Go*

Islamic Tourism Go adalah aplikasi telefon pintar yang direka untuk membantu pelancong mencari maklumat berkaitan Islam di kawasan mereka. Abidin et al., (2018) menyatukan teknologi 'Augmented Reality' dengan pelancongan Islam untuk menyampaikan maklumat yang penting dalam aplikasi ini. Pada masa kini, aplikasi ini hanya tertumpu pada restoran, tarikan pelancongan Islam dan tempat menunaikan solat. Pengguna telah diuji untuk keberkesanannya, dan hasil menunjukkan bahawa mereka suka dengan perisian tersebut. Menurut Abidin et al., (2018), kategori lain yang berkaitan dengan pelancongan islam akan ditambah pada masa akan datang.

2. *Muslim Travel*

Muslim Travel adalah aplikasi mudah alih yang menggunakan pesanan teks atau notifikasi untuk memberi maklumat mengenai lokasi dan waktu solat. Selain itu, *Muslim Travel* menyediakan pelbagai perkhidmatan lain, seperti menunjukkan zon solat Jama 'dan Qasar menurut Syariah Islam, pemberitahuan waktu solat, serta arah kiblat. Program ini juga termasuk senarai doa, restoran Halal yang berdekatan, 99 nama Allah, dan Tasbih untuk


berzikir. Menurut pembangun aplikasi , iaitu Ej-Ebiary et al., (2019) aplikasi ini akan disatukan dalam masa terdekat agar sesuai dengan semua mazhab.

3. *E-Mosque*

E-Mosque adalah aplikasi mudah alih yang memaparkan maklumat berkaitan masjid seperti waktu solat, aktiviti, dan arah kiblat. Program ini menggunakan geovisualisasi, seperti kartografi multimedia untuk menilai maklumat geo mengenai masjid. E-Mosque hanya menyediakan sumber maklumat bagi masjid-masjid yang terletak di Kuala Lumpur. Aktiviti, alamat, dan koordinasi bagi mencari lokasi masjid semuanya telah disediakan di dalam aplikasi ini. Berdasarkan maklumbalas pengguna, jelas bahawa sistem aplikasi berdasarkan 'GeoMobile' diperlukan untuk membantu pengguna mendapatkan maklumat geografi mengenai masjid dan lokasi lain (Mohd Hasmizi et al., 2020).

4. *Easy & Trendy*

Aplikasi Easy&Trendy masih belum lagi menjadi prototaip atau sebuah aplikasi. Menurut Nadwa et al., (2018), lakaran aplikasi ini dapat digunakan sebagai model cadangan bagi pembangun untuk membuat aplikasi yang memfokuskan kepada permintaan pengunjung wanita muslimah. Konsep model direka dengan mempertimbangkan minat dan tuntutan pelancong wanita yang beragama islam. Penyelidikan pada masa akan datang mungkin akan dikembangkan dengan menilai tahap kepuasan pengguna (Nadwa et al., 2018).



KESIMPULAN

Kajian awal ini mendapati bahawa aplikasi *Islamic Tourism Go* hanya tertumpu pada restoran, tarikan pelancongan Islam dan tempat menunaikan solat sahaja manakala aplikasi *Muslim Travel* ada menyediakan khidmat pesanan teks atau notifikasi untuk memberi maklumat mengenai lokasi dan waktu solat namun tidak inklusif kerana terikat dengan mazhab tertentu dan maklumat komponen Pelancongan Islam terperinci seperti yang digariskan oleh Organization of Islamic Cooperation (OIC) seperti Penerbangan Halal, Hotel Halal, Agensi Pelancongan Halal dan Kewangan Halal tidak dijumpai. Selain itu, aplikasi *E-Mosque* pula hanya menyediakan sumber maklumat bagi masjid-masjid yang terletak di Kuala Lumpur sahaja tanpa info lebih meluas tentang masjid-masjid di seluruh Malaysia. Di samping itu juga, aplikasi *Easy & Trendy* pula hanya memfokuskan kepada permintaan dan minat pengunjung wanita Muslimah sahaja. Ironinya, pembangunan aplikasi telefon pintar i-Tourism yang memenuhi komponen-komponen pelancongan Islam yang ditetapkan oleh OIC sangat signifikan berdasarkan kajian awal yang telah dibuat ini.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) selaku pembiaya dana penyelidikan iaitu Geran Pembangunan Inovasi (GPI). Kod penyelidikan: PPP/GPI/FPBU/051014/60119.

RUJUKAN

- Abidin, R. Z., Arshad, H., Shukri, S. A. A., & Ling, M. F. (2018). Leveraging multimodal interaction and adaptive interfaces for location-based augmented reality Islamic tourism application. *International Journal on Advanced Science, Engineering and Information Technology*, 8(4-2), 1784-1791.
- Akyol, M. and Kilinc, O. (2014). Internet and Halal Tourism Marketing, *Electronic Turkish Studies; Volume 9/8*.
- Ej-Ebiary, Y. A. M. A., Saany, S. I. A., Rahman, M. N. A., Alwi, E. A. Z. E., Mohamad, M., & Ahmad, M. M. T. (2019). Using smartphone application to notify muslim travelers the Jama' Qasar Pray, Azan times and other facilities. *International Journal of Engineering and Advanced Technology*, 8(2), 366-370.
- Gaffar, V., Setyorini, H. P. D., & Othman, N. (2019). Comparative Study of Islamic Quality Standard for Hotel in Malaysia and Indonesia. In F. Hassan, I. Osman, E. S. Kassim, B. Haris, & R. Hassan (Eds.), *Contemporary Management and Science Issues in the Halal Industry*. 281-288.
- Mohammad Imran Ahmad, Ghazali Zainuddin, Mohammad Najib Jaffar, Siti Rosilawati Ramlan. (2019). Pembinaan Model Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam di Selangor. Bandar Seri Putra: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. (Laporan Penyelidikan GPPSTI).

- Mohammad Najib Jaffar, Nurkhamimi Zainuddin, Azlan Shaiful Baharum, & Kirembwe Rashid Abdul Hameed. (2018). Pembinaan Model Analisis Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam Melalui Integrasi Naqli Dan Aqli, Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia. (Laporan Penyelidikan RAGS).
- Mohd Hasmizi, N. S., Abdul Rasam, A. R., & Mohamed Saraf, N. (2020). E-Mosque Tourism: Discovering Mosques via Geodigital Mapping in Kuala Lumpur, Malaysia. In A. Nurul Zawani & Y. Rizana (Eds.), *Charting the Sustainable Future of ASEAN in Science and Technology*. 507–517.
- Nadwa, A., Suhaimi, M., & Lokman, A. M. (2018). A Kansei Approach to Investigate Mobile Apps Requirements for Muslim Women Tourist. In A. Lokman, T. Yamanaka, P. Levy, K. Chen, & S. Koyama (Eds.), *Proceedings of the 7th International Conference on Kansei Engineering and Emotion Research 2018. KEER 2018. Advances in Intelligent Systems and Computing*. 739. 113–120.
- Richey, Rita C., & Klein, J. D. (2005). *Design and Development Research: Methods, Strategies and Issues*. London: Erlbaum.
- Samori, Z., Md Salleh, N. Z., & Khalid, M. M. (2016). Current trends on Halal tourism: Cases on selected Asian countries. *Tourism Management Perspectives*, 19, 131–136.
- Yan, L. S., Nor Amirah, Z., Aimi Sara, I., & Norhidayu, M. Z. (2017). Halal Tourism: A New World for Tourism Industry. *International Journal of Asian Social Science*, 7(8), 643–657.